

# UMSKAL jalin kerjasama dengan Perbadanan Labuan

UB 21.10.2014 B2

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan terus menjalinkan hubungan baik dengan Perbadanan Labuan.

Pengaruh UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Wilayah Persekutuan Labuan, pihaknya bersedia

menghulurkan pelbagai sumbangan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Katanya, sebagai sebuah gedung ilmu, UMSKAL akan bekerjasama berkongsi ilmu termasuk mengadakan ceramah, bengkel, seminar dan perbincangan akademik yang memabitkan pensyarah dengan pegawai dan kakitangan Perbadanan

Labuan.

“Pensyarah UMSKAL sedia berkongsi ilmu dengan pegawai dan kakitangan Perbadanan Labuan untuk meningkatkan prestasi kerja dan keyakinan diri mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Datuk Mohd Nadzri Osman di Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin. Turut hadir Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Murnizam yang mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah turut memaklumkan beberapa aktiviti yang bakal dianjurkan universiti itu pada Oktober hingga November depan.

“Antaranya, Persidangan Maritime Antarabangsa Labuan, Majlis Perarakan Berjubah Graduan dan Majlis Penghargaan Graduan,” katanya.



**MOHD Nadzri (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Murnizam di pejabatnya di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.**